

Kitab Tib

MANUSKRIP PERUBATAN TRADISI

MANUSKRIP MELAYU IALAH HASIL SASTERA MELAYU TRADISIONAL BERTULIS TANGAN DALAM TULISAN JAWI. PENGHASILAN MANUSKRIP MERUJUK HASIL YANG BERTULIS TANGAN SEBELUM SESUATU MASYARAKAT MEMPUNYAI ALAT PERCETAKAN. BERDASARKAN DEFINISI OLEH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA, MANUSKRIP MELAYU MERUPAKAN KARYA YANG BERTULIS TANGAN TERUTAMA DALAM TULISAN JAWI YANG DIHASILKAN DALAM LINGKUNGAN AWAL KURUN KE-16 HINGGA AWAL KURUN KE-20 DALAM BAHASA RUMPUN MELAYU MENGENAI ALAM DAN TAMADUN MELAYU.

Kandungan dalam manuskrip termasuklah sejarah, kesusasteraan, undang-undang dan peraturan, perubatan, azimat, petua, pantang larang serta pelbagai ilmu atau disebut sebagai “kepustakaan ilmu tradisional” yang meliputi ilmu perubatan, ilmu hisab, ilmu bedil, ilmu raksi, ilmu petua amalan umum, ilmu pertukangan, ilmu kesenian (nyanyian dan tarian), ilmu berahi (nafsu syahwat dan tenaga batin), serta ilmu ramalan atau penujuman (raksi, raksi jodoh, takbir mimpi, ramalan rejang, ramalan firasat dan ramalan bintang).

Pada masa dahulu, setiap ilmu tentang perubatan, seni bina, seni ukiran, kepercayaan, adat istiadat, tatasusila dan undang-undang menjadi hafalan, diingati dan diperturunkan secara lisan kepada generasi. Oleh hal yang demikian, dengan adanya sistem tulisan yang mantap, dan dikuasai dengan baik oleh masyarakat, maka penghasilan karya berbentuk manuskrip terhasil dan menjadi rujukan autentik kepada kebanyakan orang.

Setiap manuskrip mempunyai perbezaan huraiannya berdasarkan topik dan jenis bidang ilmu. Sebagai contohnya, ilmu falak diperoleh menerusi manuskrip “Ketika, Firasat, Kitab Rasi, Bintang Tujuh” dan “Firasat”; takbir mimpi



dalam manuskrip “Petua”, “Ta’bir Mimpi”, “Ta’bir Mimpi” dan “Ta’bir Mimpi”; ilmu pertukangan dan pembinaan rumah menerusi manuskrip “Petua Membuat Rumah” dan “Petua Mendirikan Rumah”; ilmu membuat bedil dan senapang menerusi manuskrip “Ilmu Bedil”; dan ilmu berahi dalam manuskrip “Hukum Jimak”, “Kitab Jimak” dan “Kitab Tib”. Namun begitu, walaupun diklasifikasikan mengikut bidang tertentu, perihal tentang ilmu pengubatan termasuklah petua atau pantang larang juga terkandung dalam manuskrip seperti yang disebutkan tetapi dihuraikan secara tidak langsung atau menjadi sisipan untuk beberapa perenggan.

Seterusnya, terdapat beberapa buah manuskrip yang menghuraikan tentang ilmu pengubatan tradisi secara khusus termasuklah jenis penyakit, punca penyakit, kaedah pencegahan dan rawatan, jenis ubat, pantang larang dan petua. Antaranya manuskrip “Kitab Tib”, “Kitab Tib”, “Ilmu Perubatan dan Firasat”, “Kitab Tib”, “Kitab Ilmu Perubatan”, “Kitab Tib. Petua. Mantera. Azimat. Isim bagi Rajah” dan “Kitab Tabib”. Pada masa ini, masih terdapat dalam kalangan pengamal yang menjadikan bahan tersebut sebagai rujukan dan panduan dalam proses pengubatan penyakit. Begitu juga para penyelidik atau pengkaji yang meneliti isi kandungan manuskrip tersebut bagi mengangkat kearifan tempatan sebagai khazanah berharga yang pernah ada atau diamalkan oleh masyarakat pada masa dahulu.

Harun Mat Piah menyatakan bahawa terdapat sekitar 100 buah manuskrip yang tergolong dalam kategori kitab tib, tersimpan di pelbagai koleksi



“Ilmu Perubatan dan Firasat” (MSS 3000).

dunia. Antara tempat tersimpannya khazanah manuskrip Melayu termasuklah Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Muzium Negeri Terengganu, Muzium Negeri Kelantan dan Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam *Kitab Tib: Ilmu Perubatan Melayu* menyebutkan Universiti Leiden mempunyai lapan naskah di bawah judul “Kitab Tib” dan “Kitab Ubat”; beberapa buah di Great Britain, Perancis, Indonesia, Sri Lanka dan Brunei Darussalam.

Perkataan “tib” membawa maksud “perubatan”, “ubat”, “surat ubat”, dan “tukang ubat”, manakala tabib pula ialah seorang pengubut dan perawat. Ahli pengubatan tradisi yang dikenali dalam masyarakat Melayu ialah bomoh, pawang, dukun, bidan dan lain-lain berdasarkan fungsi dan tugasnya.

Kitab tib pula ialah khazanah manuskrip Melayu yang mengandungi pelbagai jenis ilmu perubatan orang Melayu terdahulu. Kandungannya meliputi rawatan dan pengubatan pelbagai penyakit jasmani dan rohani, kaedah rawatan, ramuan ubat-ubat, petua, serta pantang larang. Pada asalnya, ilmu ini merupakan hasil transmisi lisan atau khazanah




“Kitab Tib” (MSS 1292).



“Kitab Tib” (MSS 1078).



“Kitab Tib” (MSS 2810).



“Kitab Tib” (MS 2515). Manuskrip ini menghuraikan tentang kaedah rawatan dan cara mengenal pelbagai jenis penyakit.

sastera lisan yang sangat disukai dan berkembang dalam masyarakat dahulu dan kini. Di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia menyimpan 40 naskhah kitab tib yang menjadi khazanah penting terhadap negara. Setiap kitab menghuraikan tentang kaedah dan cara rawatan yang berbeza-beza mengikut jenis penyakit.

Sebagai contohnya, “Kitab Tib” (MSS 1078) menghuraikan tentang jenis penyakit berserta penawarnya. Ada juga manuskrip yang diperbuat daripada bilah buluh, iaitu “Kitab Tib” (MSS 2290). Huraian dalam manuskrip ini berkaitan dengan kaedah rawatan, jenis ubat dan memperincikan tentang jenis penyakit. Ada juga beberapa naskhah kitab tib yang disertakan dengan rajah, lakaran, lukisan, rajah, ilustrasi dan wafaq, seperti manuskrip “Kitab Tib” (MSS 300) koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Manuskrip “Kitab Tib” (MS 747) pula menghuraikan cara pengubatan untuk penyakit biasa dan penyakit yang berpunca daripada gangguan jin. Pada bahagian pengubatan penyakit biasa, dihuraikan tentang kaedah rawatan meroyan, sakit kepala, muntah darah dan kesukaran ketika melahirkan anak.

“Kitab Tib” (MS 2515) pula menghuraikan tentang kaedah rawatan, jenis penyakit, cara mengenal penyakit dan syarat menjadi pengubat atau bomoh. Contoh petikan berkaitan penyakit batuk berdarah, seperti yang berikut;

Sebagai lagi ubat batuk keluar darah, iaitu kerana hangat jantungnya dan paru-parunya sampai kepada hati, akan ubatnya ambil sarang angkut-angkut maka rendamkan ke dalam air cuka sehari semalam, pagi-pagi tapis cuka itu bubuh sakar sedikit minum, aflat. Sebagai lagi ubat lelah atau esak atau batuk dengan tiada balgham, iaitu kerana angin makan ambil batang teberau dan bunganya dan pulurnya dan daun sekati lima dan halba dan bawang putih dan bunga merah maka semuanya ditebus masak-masak, minum airnya, aflat. Sebagai lagi ubat tampalkan di luarnya maka ambil daun sekunyit, segenggam erat dan daun ribu-ribu segenggam erat dan

padi pulut segenggam erat, maka digoreng hangus maka dicampuri semua itu maka giling lumat-lumat tampalkan pada dadanya.

[“Kitab Tib” (MSS 2515):90]


“Kitab Tib” (MSS 1653) pula mengandungi beberapa petua umum yang digunakan oleh pengamal bagi tujuan pengasih atau disebut sebagai pengasih cinta berahi. Ada juga huraian tentang kaedah sebelum menjampi bahan yang digunakan untuk tujuan pengasih. Sebagai misalnya, penyediaan sirih berserta dengan kapurnya yang disertai dengan bacaan mantera. Setelah bahan tersebut dibacakan mantera, bahan itu perlu dimakan oleh pengamal kerana dipercayai berupaya memberikan wajah menjadi lebih berseri-seri atau menawan. Contoh mantera, seperti yang berikut;

*Hai pinang sepiak murai
tanaman Maharaja Dewana
naik cahaya mukaku berseri-seri
(sebut nama orang yang dikehendaki).*

Di dalam “Kitab Tib” (MSS 489 dan MSS 1653) diberikan juga beberapa mantera yang berfungsi untuk mengusir makhluk halus, terutamanya jenis hantu yang dikenali sebagai hantu raya atau jembalang. Contoh mantera menghalau hantu raya seperti yang berikut;

*Penaikkan hantu raya
ah, kama akma
tangisan pintu langit
tangisan pintu bumi
ah, akulah memakai bista sama dewa
kata kun kata Allah
fayakun kata Muhammad.*

[“Kitab Tib” (MSS 489):240]



“Hikayat Nurul-lisan Menjawab Masalah” (MSS 1792).

Mantera menghalau hantu atau jembalang daripada "Kitab Tib" (MSS 1653), iaitu:

Hai jin

sememang yang aku tahu asal engkau
jika engkau meniarap makan darah bapamu
jika engkau melentang makan darah ibumu
jika engkau mengiring sebelah kanan makan darah kakakmu
jika mengiring sebelah kiri sang bisa namamu
jika mengiring sebelah kanan sang halik namamu
jika ke bawah sang salik nganga tepok namamu
jika ke atas sang juna namamu
nyahlah engkau dari sini
jika tiada engkau nyah dari sini
derhakalah engkau kepada Allah subhanau wa taala
dimasukkan engkau ke dalam neraka jahanam.

["Kitab Tib" (MSS 1653):25]

"Kitab Tib" (MS 2219.44) pula menghuraikan tentang jenis penyakit antaranya sakit perut, sembelit, busung berdarah serta penyakit karang dan tenaga batin. Rawatan untuk perempuan juga dihuraikan seperti pemulihan dara, tidak datang haid, keputihan, senggugut, dan meroyan.

Sebuah manuskrip yang membicarakan tentang ilmu pengubatan, iaitu "Hikayat Nurul-lisan Menjawab Masalah" (MSS 1792) menghuraikan tentang ilmu menjadi seorang tabib (bomoh). Manuskrip ini disalin semula oleh Tengku Ahmad bin Tengku Panglima Raja, bertarikh 21 Muharam 1343H, bersamaan 1924M. Contoh petikan:

Tabib: Khabar kepada aku daripada laban al-rakar (getah kayu yang tuha daripada mustaki) jawabnya: darjahnya demikian juga dan penggunaannya jika selalu memakannya nescaya menegah akan lupa dan memudahkan hafaz dan segera faham dan menguatkan gigi dan ia ubat membaiki tulang yang pecah dan menghilangkan bengkak hati dan jika dimakan dua dirham beratnya nescaya menghilangkan ia akan sakit terkena pukul umpama cemeti dan ubat menahankan darah yang keluar dan menghilangkan bengkak dan jika dicelak mata dengan dia nescaya menambah cahaya mata dan jika dimakannya nescaya menghilangkan basah pada kepala dan menghilangkan angin dan memutuskan balgham dan membaiki demam yang jadi daripada balgham dan kata Sayidina Abdullah anak Abas, lazimkan oleh mu dengan kandir iaitu getah leban, ditaruhkan dia di dalam air pada



"Nasihat al-Muluk" (MSS 3783).

malam dan diminumkan dari pagi-pagi sebelum makan sesuatu makanan nescaya menegahkan terlupa dan memberi ingatan dan faham dan jika dimakannya nescaya hilang cerah memulas daripada sejuk.

["Hikayat Nurul-lisan Menjawab Masalah" (MSS 1792):52]

Manuskrip lain seperti "Nasihat al-Muluk" (MSS 3783) dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia mengandungi huraian tentang pengubatan, azimat, petua, pantang larang dan ramalan. Selain huraian tentang kaedah pengubatan, ada juga naskah yang menghuraikan bidang ilmu yang lain seperti cuaca, raksi, rejang dan firasat. Kaedah pengubatan juga disertakan dengan doa bersumberkan ayat al-Quran dan hadis.

Kini, manuskrip Melayu tetap kekal menjadi bahan bernilai serta dianggap sebagai khazanah negara. Oleh hal yang demikian, bahan tersebut perlulah dijaga dengan rapi oleh individu yang menyimpan secara peribadi serta pihak yang berautoriti. Kewibawaan khazanah ini juga terserlah apabila ada dalam kalangan pengkaji yang terus-menerus membuat penyelidikan terhadap isi kandungannya, selain kerja transliterasi daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi. **DB**

PERINGATAN: Paparan mantera adalah sebagai contoh petikan yang dipetik daripada sumber manuskrip. Mantera yang dipaparkan dilarang untuk diamalkan oleh pembaca.